

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

12. Apakah langkah yang boleh ambil bagi menangani masalah parkir di Pulau Tikus terutama sekali *double park* selain pengumuman pihak PBT dari dalam kenderaan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengenalpasti kawasan di sekitar Pulau Tikus sebagai kawasan *hotspot double park*. *Double park* atau letak kereta berganda bermaksud bahawa seseorang meletak kenderaan di sebelah kereta yang telah diletakkan di tempat letak kereta atau di tepi jalan. Ini adalah perkara biasa di kawasan perumahan berkepadatan tinggi yang terdapat banyak kedai hiburan dan restoran seperti di Pulau Tikus.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah tersebut MBPP telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- (a) Melaksanakan sistem jalan sehala untuk mewujudkan ruang tempat letak kenderaan tambahan bagi membolehkan kenderaan diletak di tepi jalan tanpa mengganggu aliran lalu lintas seperti di Lorong Bangkok, Jalan Concordia, Jalan Pasar dan Lorong Pulau Tikus termasuk sebahagian jalan-jalan khidmat yang menghadap Jalan Burma dan Jalan Kelawai.
- (b) Menggunakan sistem Closed Circuit Television (CCTV) untuk memantau pergerakan lalulintas dan memberi amaran kepada pemandu yang meletak kenderaan di

kawasan larangan atau yang mengganggu aliran lalulintas melalui speaker CCTV.

- (c) Menyediakan perkhidmatan Bas CAT secara percuma bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.
- (d) Menjalankan rondaan dengan lebih kerap di kawasan Pulau Tikus.
- (e) Menjalinkan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balai Polis Pulau Tikus bagi sama-sama membantu memantau dan mengawal keadaan semasa.
- (f) Mengambil tindakan tegas terhadap setiap salah laku individu seperti saman, kapit dan tunda kenderaan.
- (g) Menetapkan syarat supaya pemajuan-pemajuan baru menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

Kesemua kaedah ini diharapkan dapat menanggani isu tempat letak kereta serta *double park* dan seterusnya melancarkan perjalanan penduduk di Kawasan Pulau Tikus. Walau bagaimana pun, diharapkan pemilik kenderaan yang sering melakukan *double park* tidak mementingkan diri sendiri dan boleh mengelakkan daripada melakukan perbuatan sedemikian dengan hanya meninggalkan butiran hubungan mereka di papan pemuka kereta, untuk membolehkan mereka mengalihkan kenderaan mereka apabila diperlukan. Pemilik kenderaan juga mungkin boleh meletakkan kenderaan di tempat letak kereta berbayar yang sedikit jauh daripada lokasi yang dituju tanpa perlu *double park* dan menyusahkan orang lain.